

Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa

[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung dan kata sendi nama tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kerangka Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) sebagai ideologi sistem pendidikan negara, mengandungi inti pati dan hasrat melahirkan rakyat yang sempurna demi mencapai keharmonian dan kemakmuran negara. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mewujudkan suasana baharu dalam pendidikan. Keterbatasan pergerakan dan perjumpaan fizikal menyebabkan institusi pendidikan ditutup sementara. Hal ini memberikan kesan kepada sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang biasanya berlaku secara bersemuka. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif baharu demi memastikan PdP dapat diteruskan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Cabaran Capai Ideologi Pendidikan' oleh Mohd Nor Syufaat Jamiran, *Berita Harian*, Julai 2021

[8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan telitinya. Tukarkan **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Fungsi penerbitan turut dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah dan Sarawak serta pejabat wilayah. Manuskrip yang diperolehi berupa buku umum, buku bahasa, buku sastera dan buku kanak-kanak serta remaja. Kesungguhan DBP dalam memperkaya khazanah persuratan dalam bahasa kebangsaan terbukti apabila badan berkanun ini melancarkan Pelan Tindakan Strategik DBP 2011-2015: Memartabatkan Bahasa dan Persuratan Melayu. Peruntukan yang mencukupi perlu disediakan oleh pihak kerajaan untuk menjayakan pelan tindakan ini. DBP diberikan mandat oleh kerajaan bagi melaksanakan dasar yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan di negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Menongkah Cabaran Memperkaya Persuratan dalam Bahasa Kebangsaan' oleh Azmi Ibrahim, *Dewan Masyarakat*, Bil. 6, 2020

[6 markah]

- 3 *Bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Perdana Menteri Britain telah melancarkan lawatan resmi selama lima hari di Malaysia. Menteri Pertahanan telah menjadi menteri pengawal. Semasa berada di Malaysia dia akan mengadakan pertemuan empat mata dengan Perdana Menteri Malaysia di samping menghadiri jamuan makan malam bersama para diploma yang lain. Dalam aturcara yang berbeza, isteri beliau akan diiringi oleh isteri Perdana Menteri Malaysia. Delegasi dari Britain ini akan mengadakan perjumpaan dengan ahli perniagaan-ahli perniagaan Malaysia untuk menawarkan peluang pelaburan di Britain. Di samping itu, beberapa buah perjanjian akan dimeterai antara kedua buah negara untuk kebaikan bersama, khususnya dalam bidang ekonomi dan keselamatan.

[11 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan telitinya, kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka telah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat teluk rantau berhimpun ke Melaka. Dan akan Tun Perak membawa orang Kelang ke Melaka dengan anak isterinya sekali. Maka orang Kelang berdatang sembah kepada Sultan, "Ya tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan laki-laki juga; akan patik sekalian dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan sekali."

Sumber: Dipetik daripada prosa tradisional 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

